

# Bijak merancang mampu elak boros berbelanja

## Pengguna kena ada ilmu perancangan perbelanjaan

**D**alam menyambut Aidilfitri, sudah pasti ramai yang berbelanja besar bagi meraikannya. Walaupun Aidilfitri datang sekali setahun, ia tidak bermakna pengguna harus berbelanja besar. Sebaliknya, mereka harus bijak merancang perbelanjaan bagi mengelak berbelanja melebihi pendapatan serta berhutang sehingga tidak mampu menanggungnya.

Pada sidang Dewan Negara Jun lalu dilaporkan lebih 107,000 individu di negara ini diisytihar bankrap bagi tempoh tahun 2010 hingga April 2015. Daripada jumlah itu, individu berusia 35 hingga 44 tahun dikatakan golongan tertinggi diisytiharkan bankrap, iaitu seramai 37,888 orang.

Antara punca utama dikenal pasti yang menyebabkan kes bankrap ialah gagal menjelaskan bayaran sewa beli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi serta kad kredit, pinjaman perniagaan serta penjamin sosial. Jumlah yang dilaporkan terbabit adalah amat mendukacitakan kerana ramai antara yang diisytiharkan bankrap berada dalam lingkungan usia muda.

Oleh yang demikian, penting bagi semua pihak berwaspada ketika berbelanja, terutama ketika ingin menyambut perayaan. Pengguna harus pandai merancang menguruskan perbelanjaan serta tidak boros berbelanja.

Dengan keadaan ekonomi dunia yang masih tidak menentu serta peningkatan kos sara hidup, adalah penting bagi pengguna merancang dengan teliti perbelanjaan.

### Tip hindari tabiat boros

Bagi mengelak pengguna boros berbelanja, beberapa tip asas boleh diberikan bagi menghindari tabiat ini dalam menghadapi musim perayaan. Antaranya ialah menyediakan senarai perbelanjaan ketika membeli-belah. Penyediaan senarai sebelum membeli-belah amat berguna serta dapat membantu pengguna lebih berhati-hati ketika berbelanja.

Senarai perbelanjaan terbabit sudah pasti dapat membantu pengguna berbelanja mengikut peruntukan wang yang ditetapkan serta tidak berbelanja di luar kemampuan kewangan.

Pengguna juga hendaklah bijak dengan melakukan tinjauan harga ba-

rangan dan perkhidmatan serta rajin membuat perbandingan harga antara satu premis kedai dan kedai lain. Pengguna hendaklah menggunakan kuasa yang ada untuk memastikan tidak ditipu segelintir peniaga tidak bertanggungjawab yang menawarkan harga barangan dan perkhidmatan tinggi.

Sebarang tindakan tidak bertanggungjawab dilakukan segelintir peniaga yang menaikkan harga barangan dan perkhidmatan dengan sesuka hati perlu dibendung serta dilaporkan dengan segera kepada agensi kerajaan berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau persatuan pengguna seperti Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

### Budaya kitar semula

Pengguna juga dinasihat supaya mengamalkan budaya kitar semula dengan mengguna semula hiasan raya lalu seperti langsir, alas kusyen dan butiran kecil seperti hiasan perayaan yang masih boleh digunakan. Cara ini turut membolehkan pengguna menjimatkan wang daripada terus membeli barangan yang sudah pun dibeli pada musim perayaan sebelumnya.

Pengguna juga perlu utamakan pembelian barangan dan perkhidmatan berdasarkan apa yang mereka perlukan bukan berdasarkan apa yang mereka mahukan. Segala aktiviti perbelanjaan perlu utamakan keperluan bukan untuk membeli barangan mewah di luar kemampuan kewangan mereka. Pengguna juga perlu amalkan prinsip berdisiplin serta bersederhana ketika berbelanja membeli barangan atau perkhidmatan diperlukan.

Agama Islam juga mengajar umatnya bersederhana ketika berbelanja.

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Allah memberikan rahmat kepada seseorang yang berusaha mencari harta dengan jalan halal dan membelanjakannya dengan cara sederhana dan berhemat dan menabung lebihannya untuk hari susah dan hajatnya." (Riwayat al-Ibn an-Najjar).

Selepas berjaya mengharungi ibadah puasa dengan mengawal nafsu di bulan Ramadan, umat Islam juga perlu tidak melakukan aktiviti tidak berfaedah serta boleh merosakkan kehidupan seperti boros berbelanja ketika beraya. Selamat menyambut Aidilfitri.



### Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



**DR MUZAFFAR SYAH MALLOW**

rencana@bh.com.my